19 Mengapakah perintah berikut dijalankan di Labis, Johor? BUKU TEKS 158

Perintah berkurung

A Pasukan keselamatan menjalankan operasi memburu komunis
B Pasukan keselamatan menjalankan operasi memburu British
C Komunis menyerang kawasan tempatan
D Komunis menyerang tentera British

20 Bagaimanakah perang saraf dijalankan? BUKU TEKS 159
A Menjalankan serangan secara senyap
B Memenangi hati dan fikiran rakyat
C Membanteras ancaman komunis
D Meracuni pemikiran rakyat

21 Kempen berikut dijalankan oleh Majlis Perundangan Persekutuan. BUKU TEKS 158

Bulan Rakyat Melawan Penjahat

Apakah tujuan pelaksanaan kempen tersebut?
I Menggalakkan interaksi
II Menggalakkan perpaduan
III Mengeratkan silaturahim
IV Mengeratkan hubungan antara kaum
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

22 Apakah tindakan yang diambil semasa perang saraf? BUKU TEKS 159
I Melonggarkan syarat kewarganegaraan
II Mengadakan pilihan raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur
III Mengadakan pemilihan ketua kampung
IV Melonggarkan kemasukan warga asing
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

23 Pernyataan berikut menunjukkan kawasan yang diwujudkan oleh kerajaan. BUKU TEKS 160

Kawasan yang terdapat kegiatan komunis yang aktif dan dikenakan perintah berkurung.

Apakah kawasan yang dimaksudkan?
A Kawasan putih
B Kawasan hitam
C Kawasan kelabu
D Kawasan merah

Kesan Zaman Darurat terhadap Negara Kita

24 Apakah kesan yang ditinggalkan oleh zaman berikut? BUKU TEKS 161

Zaman Darurat

I Risalah antikomunis disebarkan
II PKM menemui kegagalan
III Penubuhan Malayan Chinese Association (MCA)
IV Mempercepat kemerdekaan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

25 Mengapakah Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum diwujudkan? BUKU TEKS 161
A Membanteras tentera komunis
B Mewujudkan perpaduan rakyat
C Membantu kerajaan dari segi kewangan
D Meningkatkan kesedaran politik dalam kalangan pemimpin kaum

26 Apakah kesan Zaman Darurat dari aspek sosioekonomi? BUKU TEKS 162
I Menjejaskan perkembangan ekonomi
II Meningkatkan inflasi
III Meningkatkan pemodenan infrastruktur
IV Meningkatkan kos perbelanjaan
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

27 Apakah kesan penempatan semula Kampung Baru? BUKU TEKS 163
A Hubungan antara kaum semakin renggang
B Penduduk Persekutuan Tanah Melayu semakin sengsara
C Meningkatkan kos perbelanjaan
D Meningkatkan kemajuan negara

28 Siapakah yang menandatangani ordinan berikut? BUKU TEKS 163

Ordinan Peraturan-Peraturan Darurat 1948

A Sir Gerald Templer
B Tunku Abdul Rahman
C Tun Abdul Razak
D Sir Henry Gurney

LIVEWORKSHEETS

29 Apakah yang berlaku pada tarikh berikut?

BUKU TEKS 163

31 Julai 1960

A Penamatan Zaman Darurat
B Penamatan pemerintahan komunis
C Penamatan pemerintahan British
D Penamatan zaman inflasi

30 Apakah iktibar yang diperoleh daripada peristiwa darurat?

BUKU TEKS 163

A Mempertahankan negara daripada musuh
B Memajukan ekonomi negara
C Menjaga kedudukan pemimpin
D Menghargai jasa pemimpin negara

LIVEWORKSHEETS